

Banjir di Terengganu pulih

Penduduk mula bersihkan kediaman, diminta terus berjaga-jaga

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Penduduk mula membersihkan rumah masing-masing yang berselut kesan banjir selepas semua mangsa dibenarkan pulang semalam.

Banjir di Terengganu dilaporkan pulih sepenuhnya selepas dua pusat pemindahan sementara (PPS) terakhir di daerah Dungun, iaitu dewan Masjid Kampung Serdang dan Dewan Sivik Paka ditutup pada jam 1 petang semalam.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Terengganu, Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman, berkata seramai 114 mangsa daripada 34 keluarga yang ditempatkan di PPS berkenaan dibenarkan pulang selepas banjir di kawasan rumah mereka surut.

“Cuaca ketika ini baik dan ini menggambarkan gelombang keempat banjir yang melanda Terengganu sejak Khamis lalu berakhir.

“Kita sentiasa berwaspada kepada keadaan semasa dan kesiapsiagaan pengurusan bencana pada peringkat negeri dan daerah masih dalam keadaan berjaga-jaga dalam tempoh monsun timur laut yang dijangka berlarutan sehingga Mac tahun depan.

“Mangsa yang pulang ke rumah masing-masing diminta menjaga keselamatan kerana



Dua beradik, Che Ku Mohd Shafiq Che Ku Zakaria (kiri) dan Che Ku Iman Zul Haziq mengangkat peralatan rumah selepas banjir melanda Perumahan Rakyat Teluk Kalong, Kemaman. (Foto Ghazali Kori/BH)

dikhuatiri ada binatang berbisa atau objek tajam kesan daripada banjir,” katanya.

Terdahulu, dua PPS terakhir di Kemaman juga ditutup secara rasmi pada 9.30 pagi semalam.

Lebih 8,000 mangsa terjejas dalam banjir di Terengganu dengan Kemaman merekodkan jumlah mangsa tertinggi, iaitu lebih 7,000 mangsa.

Sementara itu di **Kelantan**, **BERNAMA** melaporkan situasi banjir semakin pulih dengan hanya 828 mangsa daripada 309 keluarga masih ditempatkan di sembilan PPS di Pasir Mas setakat 8 pagi semalam berbanding 911 orang petang kelmarin.

Menurut aplikasi Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat, jumlah mangsa banjir



Penduduk, Jsnata Aina Mohd membersihkan peralatan rumah yang boleh digunakan semula. (Foto Ghazali Kori/BH)



Cuaca ketika ini baik dan ini menggambarkan gelombang keempat banjir yang melanda Terengganu sejak Khamis lalu berakhir.

Che Adam A Rahman,
Ketua Sekretariat
Jawatankuasa Pengurusan
Bencana Terengganu

tertinggi ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Rantau Panjang (2) iaitu 201 orang daripada 58 keluarga, diikuti SK Kubang Kual dengan 134 orang, SK Tok Deh (118) dan SK Kedai Tanjong (110).

PPS di SK Gual Tinggi pula menempatkan 92 orang, SK Bakong (85), PPS Putat Tujoh (42), SK Sri Kiambang (33) dan Sekolah Menengah Agama (Arab) Kg Bogor (13).

Sementara itu menurut laporan infobanjir.water.gov.my setakat 8 pagi, Sungai Golok di Rantau Panjang kekal mencatatkan bacaan melepasi paras bahaya iaitu 9.87 meter (m) (bahaya 9 m), manakala Sungai Golok di Kampung Jambu, Tumpat pula merekodkan bacaan melepasi paras amaran iaitu 2.48 m (amaran 2.15 m).